murid menguasai bidang-bidang yang dipelajari. Dalam organisasi kandungan terdapat juga Lajur Catatan. Lajur ini mengandungi nota dan cadangan aktiviti. Guru boleh melaksanakan aktiviti tambahan selain daripada yang dicadangkan mengikut kreativiti dan keperluan untuk mencapai standard pembelajaran.

KOMPONEN PENDIDIKAN JASMANI

PENGENALAN KSSMPK PENDIDIKAN JASMANI

KSSMPK Pendidikan Jasmani digubal berasaskan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu dicapai dan dikuasai oleh murid. Kurikulum Pendidikan Jasmani menekankan kepada kemahiran pergerakan yang membolehkan murid melakukan pelbagai aktiviti fizikal untuk kesihatan dan mengamalkan gaya hidup aktif.

Kandungan kurikulum Pendidikan Jasmani digubal dengan mengambil kira kebolehlaksanaan kemahiran, pengetahuan dan nilai bagi murid kedua-dua jantina serta mengekalkan prinsip-prinsip dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Pendidikan Jasmani. Kurikulum ini juga digubal dengan merujuk pelbagai badan profesional kebangsaan dan antarabangsa seperti Dasar Sukan Negara, *World Health Organization* (WHO) dan menggunakan Standard Antarabangsa Pendidikan Jasmani dan Sukan Untuk Murid Sekolah oleh *International Council for Health, Physical Education, Recreational-Sports And Dance* (ICHPER-SD) sebagai panduan. Kandungan kurikulum ini juga masih mengekalkan tiga domain pendidikan, iaitu psikomotor, kognitif dan afektif.

Penggubalan kurikulum Pendidikan Jasmani adalah bertujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Kurikulum ini menyediakan murid ke arah pembinaan modal insan yang sihat dan cergas dengan menekankan Kemahiran Abad Ke-21.

Kurikulum Pendidikan Jasmani adalah menyediakan murid dengan kemahiran gimnastik asas, pergerakan berirama, olahraga asas, kemahiran permainan, rekreasi dan kesenggangan serta kecergasan. Guru yang mengajar kurikulum PJPk perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas dalam pergerakan dan kecergasan berdasarkan disiplin ilmu Pendidikan Jasmani. Antara disiplin ilmu Pendidikan Jasmani melibatkan pembelajaran motor, perkembangan motor, biomekanik, suaian fizikal, fisiologi senam, psikologi sukan dan sosiologi sukan dengan menerapkan nilai estetika. Pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani juga dilaksanakan dalam suasana yang menyeronokkan serta menekankan aspek keselamatan.

SUAIAN DALAM KSSMPK PENDIDIKAN JASMANI

Komponen Pendidikan Jasmani ini disediakan untuk memenuhi keperluan MBK berkefungsian sederhana yang mengikuti KSSMPK di sekolah dan program pendidikan khas integrasi (PPKI). Proses pelaksanaan kurikulum perlu mengambil kira kepelbagaian kebolehan dan keupayaan individu. Bagi memenuhi keperluan individu, pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan Program Pendidikan Khas dibentuk secara fleksibel selaras dengan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, 8.(1)(c) yang menyatakan;

....seseorang guru boleh membuat pengubahsuaian kepada:

- i. kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran*
- ii. masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti*
- iii. susunan aktiviti; dan*
- iv. bahan bantu mengajar*

..... apa-apa pengubahsuaian yang dibuat di bawah perenggan (1)(c) hendaklah mengikut Kurikulum Pendidikan Khas.

Suaian dalam komponen pendidikan jasmani ini bermaksud satu program yang melibatkan kecergasan fizikal dan motor, kemahiran

motor asas, kemahiran dalam akuatik dan tarian, permainan dan sukan individu dan berpasukan yang direka untuk memenuhi keperluan individu yang unik agar MBK dapat melakukan aktiviti pendidikan jasmani dengan selamat, dan mencapai kepuasan sendiri.

Komponen ini juga bermatlamat untuk menyediakan MBK kearah penglibatan dalam aktiviti sukan dan permainan. Suaian dalam sukan dan permainan merujuk kepada sukan yang diubahsuai atau dicipta untuk memenuhi keperluan unik MBK. Aktiviti sukan dan permainan suaian boleh dijalankan secara integrasi dimana MBK berinteraksi dengan murid tipikal atau dijalankan dalam persekitaran MBK itu sendiri dimana mereka berinteraksi dalam kalangan mereka sahaja.

Fokus suaian dalam sukan dan permainan ini adalah modifikasi dalam sukan dan permainan tersebut termasuklah dalam aspek peraturan dan cara dimainkan berdasarkan keperluan dan keupayaan setiap MBK. Dalam pelaksanaan komponen ini, guru perlu mengetahui kebolehan dan kekangan setiap MBK dalam

melakukan aktiviti dan merancang aktiviti serta mengambil kira aspek keselamatan mereka.

Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) MBK dengan ketidakupayaan penglihatan memerlukan guru untuk berinteraksi dengan pelbagai cara untuk memberikan kefahaman kepada MBK ini. Guru boleh menggunakan strategi berikut untuk membantu murid melakukan aktiviti semasa menjalankan PdP.

- (i) Penerangan secara verbal.
 - a. Menerangkan kepada murid apa yang perlu dilakukan menggunakan arahan yang ringkas dan jelas.
 - b. Jika murid tidak memahami arahan yang pertama, ulang dengan cara yang berbeza.
 - c. Berikan maklum balas yang jelas dan spesifik.
- (ii) Demonstrasi.
 - a. Tunjukkan kepada murid pergerakan yang perlu dilakukan.
 - b. Demonstrasi dilakukan dalam lingkungan penglihatan murid.
 - c. Jadikan rakan murid yang mempunyai saiz badan dan keupayaan yang sama sebagai model.

d. Peringkatkan perlakuan suatu kemahiran (analisis tugas).

- (iii) Bantuan atau panduan fizikal.
 - a. Bantu murid untuk bergerak secara fizikal.
 - b. Kurangkan bantuan secara beransur-ansur.
- (iv) Model taktil.
 - a. Murid atau guru bertindak sebagai model yang akan melakukan suatu kemahiran.
 - b. Murid akan menyentuh badan model untuk mengetahui postur dan bentuk badan semasa melakukan aktiviti tersebut.
 - c. Guru perlu bimbing murid untuk menyentuh model pada bahagian badan yang berkenaan sahaja.
 - d. Gabungkan strategi ini dengan lain-lain strategi untuk memberikan kefahaman yang lebih jelas kepada murid.
- (v) Penggunaan alatan yang berbunyi.
 - a. Gunakan bola yang berbunyi.
 - b. Gunakan gol yang mengeluarkan bunyi apabila murid berjaya menjaringkan bola. Guru boleh mengikat loceng pada jaring.

- (vi) Peningkat isyarat visual.
- a. Terdapat murid kurang upaya yang mempunyai sisa penglihatan. Buat penilaian dalam merancang aktiviti untuk menentukan jenis isyarat visual yang diperlukan oleh murid seperti warna alatan dan pencahayaan kawasan aktiviti.
 - b. Gunakan pita pelekat berwarna untuk menandakan aras ketinggian.
 - c. Gunakan bola, tikar penanda kawasan gelanggang berwarna terang.

MATLAMAT KSSMPK PENDIDIKAN JASMANI

KSSMPK Pendidikan Jasmani bermatlamat membina MBK menjadi individu yang cergas dan sihat serta berkemahiran, berkeyakinan, berpengetahuan, menyedari keupayaan diri dan mengamalkan nilai murni melalui aktiviti fizikal ke arah mencapai kesejahteraan hidup.

OBJEKTIF KSSMPK PENDIDIKAN JASMANI

KSSMPK Pendidikan Jasmani bertujuan untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut:

1. Meneroka pelbagai strategi dalam permainan menerusi pendekatan inkuiri.
2. Mengaplikasikan pengetahuan semasa melakukan aktiviti fizikal.
3. Menggunakan istilah Pendidikan Jasmani untuk berkomunikasi secara berkesan.
4. Melakukan kemahiran secara berkesan dalam pelbagai konteks.
5. Mempamerkan dan mengaplikasikan pelbagai kemahiran dan teknik dengan berkesan semasa melakukan aktiviti fizikal.
6. Membina matlamat dan mengaplikasi strategi untuk meningkatkan prestasi.
7. Merancang dan memberi justifikasi perancangan untuk meningkatkan kemahiran dan kecergasan fizikal.
8. Mempamerkan dan mengaplikasikan pelbagai prinsip, strategi dan konsep pergerakan serta kecergasan semasa melakukan aktiviti fizikal.
9. Bekerjasama dan berkomunikasi dengan berkesan semasa melakukan aktiviti fizikal.
10. Membina hubungan yang positif dan menunjukkan tanggungjawab sosial semasa melakukan aktiviti fizikal.


11. Mempamerkan pengalaman pembelajaran Pendidikan Jasmani semasa melakukan aktiviti fizikal.
12. Mengamalkan dan mengekalkan gaya hidup sihat untuk kesejahteraan.

FOKUS KSSMPK PENDIDIKAN JASMANI

Kurikulum Pendidikan Jasmani bagi menengah atas berfokus kepada membina kemahiran spesifik bagi pergerakan tubuh badan, permainan dan sukan, rekreasi dan kesenggangan; membina kecergasan fizikal berdasarkan kesihatan; dan memupuk elemen pengurusan keselamatan, tanggungjawab sendiri, interaksi sosial, dinamika kumpulan serta amalan etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti fizikal.

Fokus KSSMPK Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 dan 5 diterjemahkan dalam Bidang Kemahiran dan Bidang Kecergasan seperti Rajah 2. Kandungan kurikulum ini juga dibahagikan pemberatannya sebanyak 75% Bidang Kemahiran dan 25% Bidang Kecergasan.

Rajah 2: Pemberatan Bidang Kemahiran dan Bidang Kecergasan dalam Kurikulum Pendidikan Jasmani



STANDARD PRESTASI KSSMPK PENDIDIKAN JASMANI

Standard Prestasi merupakan skala rujukan guru untuk menentukan pencapaian murid dalam menguasai Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang ditetapkan.

Standard Prestasi dibina berdasarkan rubrik yang menunjukkan tahap penguasaan murid terhadap bidang kemahiran dan kecergasan yang dikuasai melalui proses PdP yang menggunakan

ansur maju. Rubrik juga dibina berdasarkan taksonomi psikomotor, kognitif dan afektif bagi mengukur tahap pencapaian berdasarkan domain psikomotor, kognitif dan afektif.

Standard Prestasi mengandungi enam Tahap Penguasaan yang disusun secara hierarki di mana Tahap Penguasaan 1 menunjukkan pencapaian terendah sehingga pencapaian tertinggi iaitu Tahap Penguasaan 6. Setiap pernyataan tahap penguasaan ditafsirkan secara generik sebagai aras tertentu untuk memberi gambaran holistik tentang pencapaian murid dan pelaporan individu. Tafsiran pernyataan tahap penguasaan umum adalah seperti Jadual 5.

PENYATAAN TAHAP PENGUASAAN UMUM KSSMPK PENDIDIKAN JASMANI

Penyataan tahap penguasaan umum kurikulum Pendidikan Jasmani berdasarkan rubrik yang dijadikan sebagai panduan kepada guru untuk menilai prestasi murid. Pernyataan tahap penguasaan umum kurikulum Pendidikan Jasmani digambarkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Penyataan Tahap Penguasaan Umum Kurikulum Pendidikan Jasmani

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<p>Meniru atau Melakukan Perkara Asas Murid boleh meniru atau melakukan kemahiran asas, kemahiran pergerakan atau aktiviti kecergasan fizikal yang ditunjukkan atau tahu perkara asas tentang sesuatu kemahiran yang akan dilakukan.</p>
2	<p>Memahami dan Melakukan Kemahiran atau Aktiviti Fizikal Murid boleh melakukan kemahiran pergerakan dan aktiviti kecergasan fizikal serta menyatakan pengetahuan berkaitan fakta, konsep dan prosedur bagi sesuatu kemahiran atau aktiviti kecergasan.</p>
3	<p>Mengaplikasikan dan Melakukan Kemahiran atau Aktiviti Fizikal Murid boleh mengingat semula dan mengaplikasikan pengetahuan berkaitan fakta, konsep, prinsip, prosedur, strategi, teknik dan maklumat semasa melakukan sesuatu kemahiran atau aktiviti kecergasan.</p>
4	<p>Mengaplikasikan dan Melakukan Kemahiran atau Aktiviti Fizikal dengan Betul Murid boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan fakta, konsep, prinsip, prosedur, strategi, teknik dan maklumat semasa melakukan sesuatu kemahiran atau aktiviti kecergasan dengan turutan yang betul atau mengikut prosedur yang sistematik.</p>
5	<p>Merancang untuk Meningkatkan Prestasi Murid boleh merancang sesuatu aktiviti yang baharu atau mengimprovisasi berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari untuk meningkatkan penguasaan kemahiran dan tahap kecergasan fizikal, melakukan aktiviti tersebut secara tekal dan mempamerkan kemahiran interpersonal (kemahiran insaniah).</p>
6	<p>Membuat Refleksi untuk Meningkatkan Prestasi dan Amalan Gaya Hidup Sihat Murid boleh membuat justifikasi berdasarkan strategi untuk meningkatkan prestasi dalam kemahiran, kecergasan dan mempamerkan kemahiran interpersonal serta boleh mempraktikkan kemahiran tersebut ke arah gaya hidup sihat untuk kesejahteraan.</p>

ORGANISASI KANDUNGAN KSSMPK PENDIDIKAN JASMANI

KSSMPK Pendidikan Jasmani ini diorganisasikan kepada dua bidang. Bidang ini terdiri daripada kandungan kurikulum dan pentaksiran yang dikelompokkan berdasarkan kemahiran, pengetahuan dan nilai yang telah dikenal pasti untuk dikuasai dan dicapai.

Kandungan KSSMPK Pendidikan Jasmani terdiri daripada bidang kemahiran dan bidang kecergasan;

Tingkatan 4:

- Bidang Kemahiran:
 1. Pergerakan berirama
 2. Permainan
 - Kategori serangan yang melibatkan bola sepak, bola jaring, bola baling dan goalball.
 - Kategori jaring yang melibatkan bola tampar, sepak takraw dan pingpong ubahsuai.
 3. Rekreasi dan kesenggangan
 - Perlumbaan eksplorasi (explorace)
 - Perlumbaan berhalangan (obstacle race)
 - Aci bulat
 - Tiang empat

- Bidang Kecergasan pula terdiri daripada:
 1. Komponen kecergasan fizikal berdasarkan kesihatan.
 2. Pentaksiran kecergasan yang melibatkan Ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK)

Tingkatan 5:

- Bidang Kemahiran:
 1. Pergerakan berirama.
 2. Permainan
 - Kategori serangan yang melibatkan bola keranjang, futsal, bola baling dan goalball.
 - Kategori jaring yang melibatkan bola tampar dan badminton (regu).
 - Kategori memadang melibatkan permainan softball.
 - Kategori sasaran melibatkan permainan petanque.
 3. Rekreasi dan kesenggangan
 - *Eco Challenge*.
 - Ikhtiar Hidup.
 - Permainan Tradisional.

- Bidang Kecergasan pula terdiri daripada:
 1. Komponen kecergasan fizikal berdasarkan kesihatan.
 2. Pentaksiran kecergasan yang melibatkan Ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Murid Sekolah Malaysia (SEGAK).

Kandungan bagi setiap bidang disusun mengikut domain psikomotor, kognitif, dan afektif. Domain psikomotor, kognitif dan afektif diwakili lima aspek iaitu:

Aspek 1 : Kemahiran Pergerakan (Domain Psikomotor)

Murid menguasai pelbagai corak pergerakan dan kemahiran motor yang diperlukan untuk melakukan pelbagai aktiviti fizikal yang terdapat dalam Bidang Kemahiran.

Aspek 2 : Aplikasi Pengetahuan Dalam Pergerakan

Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan mengenai konsep, prinsip dan strategi pergerakan dalam pembelajaran serta mengembangkan kemahiran motor dalam melaksanakan aktiviti fizikal dalam Bidang Kemahiran.

Aspek 3 : Kecergasan Meningkatkan Kesihatan

Murid berkeupayaan meningkatkan dan mengekalkan tahap kecergasan untuk kesihatan dan prestasi fizikal dalam Bidang Kemahiran.

Aspek 4 : Aplikasi Pengetahuan Meningkatkan Kecergasan.

Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan berkaitan konsep, prinsip dan strategi meningkatkan kecergasan untuk kesihatan dan prestasi fizikal dalam Bidang Kecergasan.

Aspek 5: Kesukanan.

Murid berkeupayaan mengukuhkan amalan Pendidikan Jasmani menerusi elemen keselamatan, konsep, sosiologi dan psikologi, prinsip dan strategi untuk melakukan aktiviti fizikal dengan berkesan yang melibatkan:

1. Pengurusan dan keselamatan.
2. Tanggungjawab sendiri.
3. Interaksi sosial.
4. Dinamika kumpulan.
5. Etika dalam sukan

Kandungan dalam KSSMPK Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 dan 5 adalah setara dengan pencapaian objektif psikomotor, kognitif dan afektif dalam PdP Pendidikan Jasmani.

Bagi tujuan pengajaran Bidang Kemahiran, guru menggunakan Bidang Kemahiran yang terdiri daripada Aspek 1, Aspek 2 dan Aspek 5 secara serentak. Manakala pengajaran Bidang Kecergasan pula, guru menggunakan Bidang Kecergasan yang terdiri daripada Aspek 3, Aspek 4 dan Aspek 5 secara serentak. Guru boleh membuat pilihan sama ada mengajar Bidang Kemahiran atau Bidang Kecergasan terlebih dahulu tanpa mengabaikan gabungan aspek yang telah ditetapkan seperti dalam Jadual 6. Ringkasannya adalah seperti berikut:

Jadual 6: Kelompok Bidang Kemahiran dan Bidang Kecergasan untuk PdP Pendidikan Jasmani

Bidang Kemahiran	Aspek 1	Kemahiran Pergerakan (Domain Psikomotor)
	Aspek 2	Aplikasi Pengetahuan dalam Pergerakan (Domain Kognitif)
	Aspek 5	Kesukanan (Domain Afektif)
Bidang Kecergasan	Aspek 3	Kecergasan Meningkatkan Kesihatan (Domain Psikomotor)
	Aspek 4	Aplikasi Pengetahuan dalam Meningkatkan Kecergasan (Domain Kognitif)
	Aspek 5	Kesukanan (Domain Afektif)

Agihan Masa PdP Pendidikan Jasmani

Agihan masa bagi setiap bidang yang terdapat dalam KSSMPK Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 dan 5 adalah berdasarkan peruntukan masa minimum PdP iaitu 32 jam setahun. Cadangan agihan masa boleh dijadikan panduan kepada guru dalam melaksanakan PdP Pendidikan Jasmani Pendidikan Khas Tingkatan 4 dan 5 seperti dalam jadual 7.

Jadual 7: Contoh Agihan Masa PdP Pendidikan Jasmani Tingkatan 5

BIDANG	SUB BIDANG	JAM MINIMUM SETAHUN
PERGERAKAN BERIRAMA	Pergerakan Berirama	4
PERMAINAN	Futsal (wajib)	4
	Bola keranjang, Bola baling, Goalball (pilihan)	4
	Bola Tampar, Badminton (pilihan)	4
	Sofball (pilihan)	
	Petanque (pilihan)	
REKREASI DAN KESENGGANGAN	Rekreasi dan Kesenggangan	4
KECERGASAN	Kecergasan Fizikal Berdasarkan Kesihatan.	8
	Pentaksiran Kecergasan Fizikal Ujian SEGAK	4
	Jumlah	32 jam

**Guru boleh memilih dua permainan dalam sub bidang permainan dan permainan futsal adalah diwajibkan.*

**STANDARD KANDUNGAN, STANDARD PEMBELAJARAN DAN
STANDARD PRESTASI PENDIDIKAN JASMANI
TINGKATAN 4**

BIDANG KEMAHIRAN: PERGERAKAN BERIRAMA

Pergerakan Berirama merupakan medium penting untuk menggalakkan murid berfikir secara kreatif dan menguasai kemahiran sosial. Kandungan dalam bidang ini memberi penekanan kepada kemahiran langkah asas dalam tarian etnik iaitu tarian singa. Murid boleh mengimprovisasi kemahiran pergerakan dalam langkah tarian Singa mengikut kreativiti dan boleh membuat persembahan. Bidang pergerakan berirama membolehkan murid mempraktikkan kemahiran ini sebagai satu aktiviti meningkatkan kecergasan fizikal dalam amalan gaya hidup sihat.

STANDARD KANDUNGAN		STANDARD PEMBELAJARAN	
ASPEK 1.0: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)			CATATAN
1.1 Pergerakan Berirama Melakukan pelbagai corak pergerakan mengikut muzik.	Murid boleh:	1.1.1 Melakukan langkah tarian Singa mengikut muzik yang didengar.	Nota Konsep pergerakan: <ul style="list-style-type: none"> • Kesedaran tubuh badan • Kesedaran ruang • Kualiti pergerakan • Hubungan
		1.1.2 Mereka cipta dan mempersembahkan pergerakan tarian menggunakan langkah tarian Singa mengikut muzik yang didengar.	

STANDARD KANDUNGAN		STANDARD PEMBELAJARAN	
ASPEK 2.0: APLIKASI PENGETAHUAN DALAM PERGERAKAN (DOMAIN KOGNITIF)			
2.1 Aplikasi Pengetahuan dalam Pergerakan Berirama Mengaplikasi pengetahuan konsep pergerakan dalam pergerakan berirama.	Murid boleh:	2.1.1 Memilih dan menentukan pergerakan lokomotor, bukan lokomotor dan konsep pergerakan yang digunakan dalam tarian Singa.	
		2.1.2 Membuat justifikasi pemilihan pergerakan lokomotor, pergerakan bukan lokomotor, konsep pergerakan, muzik dan prop yang digunakan dalam mereka cipta pergerakan tarian berdasarkan tarian Singa.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
ASPEK 5.0: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)	
5.1 Pengurusan dan Keselamatan Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.	Murid boleh: 5.1.1 Mematuhi prosedur pengurusan dan keselamatan melakukan aktiviti. 5.1.2 Melakukan aktiviti fizikal dalam persekitaran yang selamat. 5.1.3 Menguruskan peralatan Pendidikan Jasmani sebelum, semasa dan selepas aktiviti fizikal dengan sistematik.
5.2 Tanggungjawab sendiri Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti.	5.2.1 Melibatkan diri secara aktif semasa melakukan aktiviti. 5.2.2 Membuat keputusan untuk diri sendiri dan orang lain semasa melakukan aktiviti. 5.2.3 Mempamerkan keseronokan dan ekspresi diri semasa melakukan aktiviti fizikal yang mencabar. 5.2.4 Membangunkan matlamat sendiri untuk meningkatkan prestasi dalam aktiviti fizikal.
5.3 Interaksi Sosial Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.	5.3.1 Memainkan peranan bagi meningkatkan interaksi sosial melalui aktiviti. 5.3.2 Mengiktiraf kepelbagaian budaya dalam melakukan aktiviti.
5.4 Dinamika kumpulan Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan.	5.4.1 Bekerjasama dan berinteraksi secara positif dengan ahli kumpulan semasa mengambil bahagian dalam aktiviti. 5.4.2 Mengenal pasti dan menggunakan potensi setiap individu dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.
5.5 Etika dalam kumpulan Memahami dan mengaplikasikan etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti.	5.5.1 Menerima cabaran, kemenangan dan kekalahan dalam permainan secara positif dan reflektif. 5.5.2 Mempamerkan permainan bersih dalam aktiviti yang dilakukan.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> Boleh meniru langkah tarian Singa mengikut muzik yang didengar.
2	<ul style="list-style-type: none"> Boleh melakukan langkah tarian Singa mengikut muzik yang didengar dan menerangkan pergerakan lokomotor bukan lokomotor dan konsep pergerakan yang digunakan.
3	<ul style="list-style-type: none"> Boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan pergerakan lokomotor, bukan lokomotor, dan konsep pergerakan yang digunakan dalam tarian Singa menggunakan props.
4	<ul style="list-style-type: none"> Boleh melakukan tarian singa dengan lakuan yang betul menggunakan props mengikut muzik yang didengar.
5	<ul style="list-style-type: none"> Boleh mereka cipta rangkaian pergerakan tarian dengan mengimprovisasi langkah tarian Singa mengikut muzik. Boleh mempersembahkan rangkaian pergerakan tarian singa yang direka cipta mengikut muzik yang dipilih. Boleh berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan tarian Singa dan tarian Cha-Cha-Cha.
6	<ul style="list-style-type: none"> Boleh menilai prestasi kumpulan sendiri dan kumpulan lain serta mencadangkan penambahbaikan persembahan. Boleh mempraktikkan kemahiran pergerakan berirama sebagai aktiviti meningkatkan kecergasan fizikal. Boleh menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti pergerakan berirama.

BIDANG KEMAHIRAN KATEGORI SERANGAN: BOLA SEPAK

Bola sepak adalah permainan dalam kategori serangan. Kemahiran bola sepak yang dipelajari di Tingkatan 4 ialah strategi menyerang dan bertahan dalam situasi permainan. Kandungan kurikulum ini juga memberi pendedahan kepada murid berkaitan sistem permainan bola sepak. Diharapkan murid dapat menggunakan kreativiti dan inovasi dalam merancang strategi menyerang dan bertahan dengan menggunakan sistem permainan yang sesuai.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
ASPEK 1.0: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)	CATATAN	
<p>1.2 Kemahiran Bola Sepak Melakukan kemahiran bola sepak menggunakan pelbagai strategi dalam situasi permainan.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.2.1 Menggunakan kemahiran bola sepak dalam strategi menyerang dengan beberapa sistem permainan.</p> <p>1.2.2 Menggunakan kemahiran bola sepak dalam strategi bertahan dengan beberapa sistem permainan.</p> <p>1.2.3 Merancang satu sistem permainan untuk menyerang dan bertahan serta menggunakan sistem tersebut dalam situasi permainan.</p>	<p>Nota</p> <p>Contoh sistem menyerang:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 4:2:4 (4 pemain pertahanan, 2 pemain tengah dan 4 pemain penyerang) <p>Contoh sistem bertahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 5:3:2 (5 pemain pertahanan, 3 pemain tengah dan 2 pemain penyerang)
ASPEK 2.0: APLIKASI PENGETAHUAN DALAM PERGERAKAN (DOMAIN KOGNITIF)		
<p>2.2 Aplikasi Pengetahuan dalam Bola Sepak Mengaplikasi pengetahuan konsep pergerakan dan strategi dalam permainan bola sepak.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>2.2.1 Memilih sistem permainan yang sesuai untuk menyerang berdasarkan kemampuan pasukan, keupayaan pasukan lawan dan situasi permainan.</p> <p>2.2.2 Memilih sistem permainan yang sesuai untuk bertahan berdasarkan kemampuan pasukan, keupayaan pasukan lawan dan situasi permainan.</p> <p>2.2.3 Membuat justifikasi sistem permainan yang dirancang untuk menyerang dan bertahan.</p>	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
ASPEK 5.0: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)	
5.1 Pengurusan dan Keselamatan Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.	Murid boleh: 5.1.1 Mematuhi prosedur pengurusan dan keselamatan melakukan aktiviti. 5.1.2 Melakukan aktiviti fizikal dalam persekitaran yang selamat. 5.1.3 Menguruskan peralatan Pendidikan Jasmani sebelum, semasa dan selepas aktiviti fizikal dengan sistematik.
5.2 Tanggungjawab sendiri Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti.	5.2.1 Melibatkan diri secara aktif semasa melakukan aktiviti. 5.2.2 Membuat keputusan untuk diri sendiri dan orang lain semasa melakukan aktiviti. 5.2.3 Mempamerkan keseronokan dan ekspresi diri semasa melakukan aktiviti fizikal yang mencabar. 5.2.4 Membangunkan matlamat sendiri untuk meningkatkan prestasi dalam aktiviti fizikal.
5.3 Interaksi Sosial Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.	5.3.1 Memainkan peranan bagi meningkatkan interaksi sosial melalui aktiviti. 5.3.2 Mengiktiraf kepelbagaian budaya dalam melakukan aktiviti.
5.4 Dinamika kumpulan Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan.	5.4.1 Bekerjasama dan berinteraksi secara positif dengan ahli kumpulan semasa mengambil bahagian dalam aktiviti. 5.4.2 Mengenal pasti dan menggunakan potensi setiap individu dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.
5.5 Etika dalam kumpulan Memahami dan mengaplikasikan etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti.	5.5.1 Menerima cabaran, kemenangan dan kekalahan dalam permainan secara positif dan reflektif. 5.5.2 Mempamerkan permainan bersih dalam aktiviti yang dilakukan.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh menggunakan beberapa kemahiran asas bola sepak semasa menyerang dalam situasi permainan. • Boleh menggunakan beberapa kemahiran asas bola sepak semasa bertahan dalam situasi permainan.
2	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh bermain dan menerangkan peranan posisi pemain semasa menyerang dalam situasi permainan. • Boleh bermain dan menerangkan peranan posisi pemain semasa bertahan dalam situasi permainan.
3	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh bermain satu posisi tertentu semasa menyerang dengan satu sistem permainan yang dipilih. • Boleh bermain satu posisi tertentu semasa bertahan dengan satu sistem permainan yang dipilih.
4	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan sistem permainan yang dipilih dengan betul mengikut posisi semasa menyerang dalam situasi permainan. • Boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan sistem permainan yang dipilih dengan betul mengikut posisi semasa bertahan dalam situasi permainan.
5	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh merancang dan melaksanakan satu sistem permainan untuk menyerang berdasarkan kemampuan pasukan, keupayaan pasukan lawan dan situasi permainan. • Boleh merancang dan melaksanakan satu sistem permainan untuk bertahan berdasarkan kemampuan pasukan, keupayaan pasukan lawan dan situasi permainan. • Boleh mengaplikasikan etika dalam sukan semasa bermain bola sepak.
6	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh membuat penambahbaikan sistem permainan yang telah dirancang untuk meningkatkan prestasi pasukan. • Boleh membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan semasa bermain bola sepak. • Boleh menggunakan kemahiran bola sepak sebagai aktiviti meningkatkan kecergasan fizikal.

BIDANG KEMAHIRAN KATEGORI SERANGAN: GOALBALL

Goalball adalah permainan dalam kategori serangan. Permainan ini lazimnya dimainkan oleh MBK ketidakupayaan Penglihatan. Kemahiran goalball yang dipelajari di Tingkatan 4 ialah strategi menyerang dan bertahan dalam situasi permainan. Diharapkan murid dapat menggunakan kreativiti dan inovasi dalam merancang strategi menyerang dan bertahan dengan menggunakan sistem permainan yang sesuai.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
ASPEK 1.0: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)		CATATAN
<p>1.2 Kemahiran Goalball Melakukan kemahiran goalball.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.2.1 Menggunakan kemahiran goalball dalam strategi menyerang.</p> <p>1.2.2 Menggunakan kemahiran goalball dalam strategi bertahan.</p> <p>1.2.3 Merancang satu sistem permainan untuk menyerang dan bertahan serta menggunakan sistem tersebut dalam situasi permainan.</p>	<p>Nota</p> <p>Contoh kemahiran menyerang:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Teknik hantaran. • Pemain dengan gaya balingan berbeza contohnya pemain yang melontar dengan tangan kiri. <p>Contoh kemahiran bertahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Formasi bertahan berdasarkan arah pergerakan bola.
ASPEK 2.0: APLIKASI PENGETAHUAN DALAM PERGERAKAN (DOMAIN KOGNITIF)		
<p>2.2 Aplikasi Pengetahuan dalam Goalball Mengaplikasi pengetahuan konsep pergerakan dan strategi dalam permainan goalball.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>2.2.1 Memilih sistem permainan yang sesuai untuk menyerang berdasarkan kemampuan pasukan, keupayaan pasukan lawan dan situasi permainan.</p> <p>2.2.2 Memilih sistem permainan yang sesuai untuk bertahan berdasarkan kemampuan pasukan, keupayaan pasukan lawan dan situasi permainan.</p> <p>2.2.3 Membuat justifikasi sistem permainan yang dirancang untuk menyerang dan bertahan.</p>	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
ASPEK 5.0: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)	
5.1 Pengurusan dan Keselamatan Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.	Murid boleh: 5.1.1 Mematuhi prosedur pengurusan dan keselamatan melakukan aktiviti. 5.1.2 Melakukan aktiviti fizikal dalam persekitaran yang selamat. 5.1.3 Menguruskan peralatan Pendidikan Jasmani sebelum, semasa dan selepas aktiviti fizikal dengan sistematik.
5.2 Tanggungjawab sendiri Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti.	5.2.1 Melibatkan diri secara aktif semasa melakukan aktiviti. 5.2.2 Membuat keputusan untuk diri sendiri dan orang lain semasa melakukan aktiviti. 5.2.3 Mempamerkan keseronokan dan ekspresi diri semasa melakukan aktiviti fizikal yang mencabar. 5.2.4 Membangunkan matlamat sendiri untuk meningkatkan prestasi dalam aktiviti fizikal.
5.3 Interaksi Sosial Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.	5.3.1 Memainkan peranan bagi meningkatkan interaksi sosial melalui aktiviti. 5.3.2 Mengiktiraf kepelbagaian budaya dalam melakukan aktiviti.
5.4 Dinamika kumpulan Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan.	5.4.1 Bekerjasama dan berinteraksi secara positif dengan ahli kumpulan semasa mengambil bahagian dalam aktiviti. 5.4.2 Mengenal pasti dan menggunakan potensi setiap individu dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.
5.5 Etika dalam kumpulan Memahami dan mengaplikasikan etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti.	5.5.1 Menerima cabaran, kemenangan dan kekalahan dalam permainan secara positif dan reflektif. 5.5.2 Mempamerkan permainan bersih dalam aktiviti yang dilakukan.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh menggunakan beberapa kemahiran asas goalball semasa menyerang dalam situasi permainan. • Boleh menggunakan beberapa kemahiran asas goalball semasa bertahan dalam situasi permainan.
2	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh bermain dan menerangkan peranan posisi pemain semasa menyerang dalam situasi permainan. • Boleh bermain dan menerangkan peranan posisi pemain semasa bertahan dalam situasi permainan.
3	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh bermain satu posisi tertentu semasa menyerang dengan satu sistem permainan yang dipilih. • Boleh bermain satu posisi tertentu semasa bertahan dengan satu sistem permainan yang dipilih.
4	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan sistem permainan yang dipilih dengan betul mengikut posisi semasa menyerang dalam situasi permainan. • Boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan sistem permainan yang dipilih dengan betul mengikut posisi semasa bertahan dalam situasi permainan.
5	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh merancang dan melaksanakan satu sistem permainan untuk menyerang berdasarkan kemampuan pasukan, keupayaan pasukan lawan dan situasi permainan. • Boleh merancang dan melaksanakan satu sistem permainan untuk bertahan berdasarkan kemampuan pasukan, keupayaan pasukan lawan dan situasi permainan. • Boleh mengaplikasikan etika dalam sukan semasa bermain goalball.
6	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh membuat penambahbaikan sistem permainan yang telah dirancang untuk meningkatkan prestasi pasukan. • Boleh membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan semasa bermain goalball. • Boleh menggunakan kemahiran bola sepak sebagai aktiviti meningkatkan kecergasan fizikal.

BIDANG KEMAHIRAN KATEGORI SERANGAN: BOLA JARING

Bola jaring adalah permainan dalam kategori serangan. Kemahiran bola jaring yang dipelajari di Tingkatan 4 ialah strategi menyerang dan bertahan dalam situasi permainan. Diharapkan murid dapat menggunakan kreativiti dan inovasi untuk mengubahsuai strategi atau merancang strategi menyerang dan bertahan dalam situasi permainan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
ASPEK 1.0: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)		CATATAN
<p>1.3 Kemahiran Bola Jaring Melakukan kemahiran bola jaring menggunakan pelbagai strategi dalam situasi permainan.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.3.1 Menggunakan kemahiran bola jaring dalam strategi menyerang dari hantaran tengah, hantaran ke dalam dan hantaran percuma atau penalti dalam situasi permainan.</p> <p>1.3.2 Menggunakan kemahiran bola jaring dalam strategi bertahan satu lawan satu dan strategi mengawal zon dalam situasi permainan.</p> <p>1.3.3 Merancang satu strategi menyerang dan bertahan serta menggunakan strategi tersebut dalam situasi permainan.</p>	<p>Nota</p> <p>Contoh strategi menyerang:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menghantar bola dalam garisan lurus (attack down the line). • Pergerakan awal (mengacah).
ASPEK 2.0: APLIKASI PENGETAHUAN DALAM PERGERAKAN (DOMAIN KOGNITIF)		
<p>2.3 Aplikasi Pengetahuan dalam Bola Jaring Mengaplikasi pengetahuan konsep pergerakan dan strategi dalam permainan bola jaring.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>2.3.1 Memilih dan memberi justifikasi kemahiran yang sesuai digunakan dalam strategi menyerang pada pelbagai situasi permainan.</p> <p>2.3.2 Memilih dan membuat justifikasi kemahiran yang sesuai digunakan dalam strategi bertahan pada pelbagai situasi permainan.</p>	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
ASPEK 5.0: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)	
5.1 Pengurusan dan Keselamatan Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.	Murid boleh: 5.1.1 Mematuhi prosedur pengurusan dan keselamatan melakukan aktiviti. 5.1.2 Melakukan aktiviti fizikal dalam persekitaran yang selamat. 5.1.3 Menguruskan peralatan Pendidikan Jasmani sebelum, semasa dan selepas aktiviti fizikal dengan sistematik.
5.2 Tanggungjawab sendiri Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti.	5.2.1 Melibatkan diri secara aktif semasa melakukan aktiviti. 5.2.2 Membuat keputusan untuk diri sendiri dan orang lain semasa melakukan aktiviti. 5.2.3 Mempamerkan keseronokan dan ekspresi diri semasa melakukan aktiviti fizikal yang mencabar. 5.2.4 Membangunkan matlamat sendiri untuk meningkatkan prestasi dalam aktiviti fizikal.
5.3 Interaksi Sosial Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.	5.3.1 Memainkan peranan bagi meningkatkan interaksi sosial melalui aktiviti. 5.3.2 Mengiktiraf kepelbagaian budaya dalam melakukan aktiviti.
5.4 Dinamika kumpulan Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan.	5.4.1 Bekerjasama dan berinteraksi secara positif dengan ahli kumpulan semasa mengambil bahagian dalam aktiviti. 5.4.2 Mengenal pasti dan menggunakan potensi setiap individu dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.
5.5 Etika dalam kumpulan Memahami dan mengaplikasikan etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti.	5.5.1 Menerima cabaran, kemenangan dan kekalahan dalam permainan secara positif dan reflektif. 5.5.2 Mempamerkan permainan bersih dalam aktiviti yang dilakukan.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh menggunakan beberapa kemahiran asas bola jaring semasa menyerang dalam situasi permainan. • Boleh menggunakan beberapa kemahiran asas bola jaring semasa bertahan dalam situasi permainan.
2	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan dan menjelaskan kemahiran bola jaring yang sesuai digunakan semasa menyerang dalam situasi permainan. • Boleh melakukan dan menjelaskan kemahiran bola jaring yang sesuai digunakan semasa bertahan dalam situasi permainan.
3	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengaplikasikan strategi menyerang dari hantaran tengah, hantaran ke dalam dan hantaran percuma atau penalti dalam situasi permainan. • Boleh mengaplikasikan strategi satu lawan satu dan mengawal zon semasa bertahan dalam situasi permainan.
4	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengaplikasikan strategi menyerang yang sesuai dan betul dalam situasi permainan. • Boleh mengaplikasikan strategi bertahan yang sesuai dan betul dalam situasi permainan.
5	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh merancang dan melakukan strategi menyerang dalam situasi permainan dan menjelaskan justifikasi kemahiran bola jaring yang sesuai digunakan. • Boleh merancang dan melakukan strategi bertahan dalam situasi permainan dan menjelaskan justifikasi kemahiran bola jaring yang sesuai digunakan. • Boleh mengaplikasikan etika dalam sukan semasa melakukan permainan bola jaring.
6	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh membuat penambahbaikan strategi permainan yang telah dirancang untuk menyerang dan bertahan bagi meningkatkan prestasi pasukan. • Boleh membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan semasa bermain bola jaring. • Boleh menggunakan kemahiran bola jaring sebagai aktiviti meningkatkan kecergasan fizikal.

BIDANG KEMAHIRAN KATEGORI SERANGAN: BOLA BALING

Bola baling adalah permainan dalam kategori serangan. Kemahiran bola baling yang dipelajari di Tingkatan 4 ialah strategi menyerang dan bertahan dalam situasi permainan. Kandungan kurikulum ini juga memberi pendedahan kepada murid berkaitan formasi permainan bola baling. Diharapkan murid dapat menggunakan kreativiti dan inovasi dalam merancang strategi menyerang dan bertahan dengan menggunakan sistem permainan yang sesuai.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
ASPEK 1.0: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)		CATATAN
<p>1.4 Kemahiran Bola Baling Melakukan kemahiran bola baling menggunakan pelbagai strategi dalam situasi permainan.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.4.1 Menggunakan kemahiran bola baling dalam strategi menyerang dengan beberapa formasi dalam situasi permainan.</p> <p>1.4.2 Menggunakan kemahiran bola baling dalam strategi bertahan dengan beberapa formasi dalam situasi permainan.</p> <p>1.4.3 Merancang satu formasi permainan untuk menyerang dan satu formasi permainan untuk bertahan serta menggunakan formasi tersebut dalam situasi permainan.</p>	<p>Nota</p> <p>Contoh sistem menyerang:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 3:3 (3 pemain di luar kawasan 9 meter dan 3 pemain dalam lingkungan 9 meter) <p>Contoh sistem bertahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 6:0 (6 pemain dalam lingkungan 9 meter)
ASPEK 2.0: APLIKASI PENGETAHUAN DALAM PERGERAKAN (DOMAIN KOGNITIF)		
<p>2.4 Aplikasi Pengetahuan dalam Bola Baling Mengaplikasi pengetahuan konsep pergerakan dan strategi dalam permainan bola baling.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>2.4.1 Membandingkan kekuatan dan kelemahan strategi menyerang dan bertahan berdasarkan formasi yang digunakan dalam situasi permainan.</p> <p>2.4.2 Membuat justifikasi berkaitan formasi permainan yang dirancang untuk menyerang dan bertahan.</p>	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
ASPEK 5.0: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)	
5.1 Pengurusan dan Keselamatan Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.	Murid boleh: 5.1.1 Mematuhi prosedur pengurusan dan keselamatan melakukan aktiviti. 5.1.2 Melakukan aktiviti fizikal dalam persekitaran yang selamat. 5.1.3 Menguruskan peralatan Pendidikan Jasmani sebelum, semasa dan selepas aktiviti fizikal dengan sistematik.
5.2 Tanggungjawab sendiri Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti.	5.2.1 Melibatkan diri secara aktif semasa melakukan aktiviti. 5.2.2 Membuat keputusan untuk diri sendiri dan orang lain semasa melakukan aktiviti. 5.2.3 Mempamerkan keseronokan dan ekspresi diri semasa melakukan aktiviti fizikal yang mencabar. 5.2.4 Membangunkan matlamat sendiri untuk meningkatkan prestasi dalam aktiviti fizikal.
5.3 Interaksi Sosial Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.	5.3.1 Memainkan peranan bagi meningkatkan interaksi sosial melalui aktiviti. 5.3.2 Mengiktiraf kepelbagaian budaya dalam melakukan aktiviti.
5.4 Dinamika kumpulan Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan.	5.4.1 Bekerjasama dan berinteraksi secara positif dengan ahli kumpulan semasa mengambil bahagian dalam aktiviti. 5.4.2 Mengenal pasti dan menggunakan potensi setiap individu dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.
5.5 Etika dalam kumpulan Memahami dan mengaplikasikan etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti.	5.5.1 Menerima cabaran, kemenangan dan kekalahan dalam permainan secara positif dan reflektif. 5.5.2 Mempamerkan permainan bersih dalam aktiviti yang dilakukan.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan kemahiran asas bola baling semasa menyerang dalam situasi permainan. • Boleh melakukan kemahiran asas bola baling semasa bertahan dalam situasi permainan.
2	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh bermain dan menyatakan kedudukan pemain semasa menyerang dengan menggunakan satu formasi dalam permainan. • Boleh bermain dan menyatakan kedudukan pemain semasa bertahan dengan menggunakan satu formasi dalam permainan.
3	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengaplikasi kemahiran bola baling yang sesuai dalam formasi menyerang. • Boleh mengaplikasi kemahiran bola baling yang sesuai dalam formasi bertahan. • Boleh mengaplikasi pengetahuan berkaitan formasi permainan semasa menyerang dan bertahan.
4	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan strategi menyerang yang betul menggunakan formasi yang sesuai dengan situasi permainan. • Boleh melakukan strategi bertahan yang betul menggunakan formasi yang sesuai dengan situasi permainan.
5	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh merancang, membuat justifikasi dan melakukan formasi menyerang dalam situasi permainan. • Boleh merancang, membuat justifikasi dan melakukan formasi bertahan dalam situasi permainan. • Boleh mengaplikasi etika dalam sukan semasa bermain permainan bola baling.
6	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh membuat penilaian keberkesanan formasi menyerang dan bertahan yang telah dirancang dan membuat penambahbaikan. • Boleh menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti. • Boleh bermain bola baling sebagai aktiviti meningkatkan kecergasan fizikal.

BIDANG KEMAHIRAN KATEGORI JARING: BOLA TAMPAR

Bola tampar merupakan permainan dalam kategori jaring. Kemahiran bola tampar yang dipelajari di Tingkatan 4 ialah formasi yang sesuai digunakan sebagai strategi menyerang dan bertahan dalam situasi permainan. Diharapkan murid dapat menggunakan kreativiti dan inovasi untuk merancang strategi menyerang dan bertahan dalam situasi permainan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
ASPEK 1.0: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)	CATATAN	
<p>1.5 Kemahiran Bola Tampar Melakukan kemahiran bola tampar menggunakan pelbagai strategi dalam situasi permainan.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.5.1 Melakukan kemahiran bola tampar semasa menyerang dalam situasi permainan.</p> <p>1.5.2 Melakukan kemahiran bola tampar semasa bertahan dalam situasi permainan.</p> <p>1.5.3 Melakukan beberapa formasi permainan bola tampar semasa menyerang dalam permainan dalam situasi permainan.</p> <p>1.5.4 Merancang strategi menyerang dan bertahan dengan menggunakan beberapa formasi dalam situasi permainan.</p>	<p>Nota</p> <p>Contoh formasi menyerang:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 4:2 (4 perejam dan 2 pengumpan) <p>Contoh formasi bertahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemain barisan depan (player-up) • Pemain barisan belakang (player-back)
ASPEK 2.0: APLIKASI PENGETAHUAN DALAM PERGERAKAN (DOMAIN KOGNITIF)		
<p>2.5 Aplikasi Pengetahuan dalam Bola Tampar Mengaplikasi pengetahuan konsep pergerakan dan strategi dalam permainan bola tampar.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>2.5.1 Menjelaskan kemahiran bola tampar yang sesuai digunakan untuk menyerang dan bertahan dalam situasi permainan.</p> <p>2.5.2 Membandingkan kekuatan dan kelemahan antara formasi permainan yang telah digunakan dalam situasi permainan.</p> <p>2.5.3 Membuat justifikasi terhadap formasi pasukan untuk menyerang dan bertahan yang telah dirancang.</p>	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
ASPEK 5.0: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)	
5.1 Pengurusan dan Keselamatan Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.	Murid boleh: 5.1.1 Mematuhi prosedur pengurusan dan keselamatan melakukan aktiviti. 5.1.2 Melakukan aktiviti fizikal dalam persekitaran yang selamat. 5.1.3 Menguruskan peralatan Pendidikan Jasmani sebelum, semasa dan selepas aktiviti fizikal dengan sistematik.
5.2 Tanggungjawab sendiri Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti.	5.2.1 Melibatkan diri secara aktif semasa melakukan aktiviti. 5.2.2 Membuat keputusan untuk diri sendiri dan orang lain semasa melakukan aktiviti. 5.2.3 Mempamerkan keseronokan dan ekspresi diri semasa melakukan aktiviti fizikal yang mencabar. 5.2.4 Membangunkan matlamat sendiri untuk meningkatkan prestasi dalam aktiviti fizikal.
5.3 Interaksi Sosial Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.	5.3.1 Memainkan peranan bagi meningkatkan interaksi sosial melalui aktiviti. 5.3.2 Mengiktiraf kepelbagaian budaya dalam melakukan aktiviti.
5.4 Dinamika kumpulan Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan.	5.4.1 Bekerjasama dan berinteraksi secara positif dengan ahli kumpulan semasa mengambil bahagian dalam aktiviti. 5.4.2 Mengenal pasti dan menggunakan potensi setiap individu dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.
5.5 Etika dalam kumpulan Memahami dan mengaplikasikan etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti.	5.5.1 Menerima cabaran, kemenangan dan kekalahan dalam permainan secara positif dan reflektif. 5.5.2 Mempamerkan permainan bersih dalam aktiviti yang dilakukan.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan kemahiran asas bola tampar semasa menyerang dalam situasi permainan. • Boleh melakukan kemahiran asas bola tampar semasa bertahan dalam situasi permainan.
2	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan kemahiran bola tampar dengan menggunakan formasi menyerang dan bertahan dalam situasi permainan. • Boleh menerangkan kekuatan dan kelemahan formasi permainan yang telah digunakan dalam situasi permainan.
3	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengaplikasi pengetahuan berkaitan formasi menyerang dalam situasi permainan. • Boleh mengaplikasi pengetahuan berkaitan formasi bertahan dalam situasi permainan.
4	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh bermain bola tampar mengikut posisi yang betul dalam formasi menyerang. • Boleh bermain bola tampar mengikut posisi yang betul dalam formasi bertahan.
5	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh merancang dan mengaplikasi strategi yang sesuai semasa menyerang dan bertahan dalam situasi permainan. • Boleh membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti kemahiran bola tampar.
6	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh membuat refleksi strategi menyerang dan bertahan serta mencadangkan penambahbaikan strategi yang telah dirancang. • Boleh mengaplikasi etika dalam sukan semasa bermain bola tampar. • Boleh bermain bola tampar sebagai aktiviti meningkatkan kecergasan fizikal.

BIDANG KEMAHIRAN KATEGORI JARING: PINGPONG UBAH SUAI

Pingpong Ubah Suai merupakan permainan dalam kategori jaring. Kemahiran pingpong ubah suai yang dipelajari di Tingkatan 4 ialah strategi menyerang dan bertahan dalam situasi permainan. Diharapkan murid dapat menggunakan kreativiti dan inovasi untuk merancang strategi menyerang dan bertahan dalam situasi permainan.

STANDARD KANDUNGAN		STANDARD PEMBELAJARAN	
ASPEK 1.0: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)			CATATAN
1.5	Kemahiran Pingpong Ubah Suai Melakukan kemahiran asas pingpong ubah suai dalam situasi permainan.	Murid boleh: 1.5.1 Melakukan kemahiran pingpong ubah suai semasa menyerang dalam situasi permainan. 1.5.2 Melakukan kemahiran pingpong ubah suai semasa bertahan dalam situasi permainan. 1.5.3 Merancang strategi menyerang dan bertahan dengan dalam situasi permainan.	Nota Contoh kemahiran menyerang: <ul style="list-style-type: none"> • Pukulan ke sudut kanan dan kiri meja secara bergilir-gilir dengan pertambahan kekuatan pukulan. Contoh kemahiran bertahan: <ul style="list-style-type: none"> • Mengembalikan servis/pukulan lawan dengan tepat.
ASPEK 2.0: APLIKASI PENGETAHUAN DALAM PERGERAKAN (DOMAIN KOGNITIF)			
2.5	Aplikasi Pengetahuan dalam Pingpong Ubah Suai Mengaplikasi pengetahuan konsep pergerakan dan strategi dalam permainan ping pong ubah suai.	Murid boleh: 2.5.1 Menjelaskan kemahiran pingpong ubah suai yang sesuai digunakan untuk menyerang dan bertahan dalam situasi permainan. 2.5.2 Membuat justifikasi terhadap strategi untuk menyerang dan bertahan yang telah dirancang.	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
ASPEK 5.0: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)	
5.1 Pengurusan dan Keselamatan Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.	Murid boleh: 5.1.1 Mematuhi prosedur pengurusan dan keselamatan melakukan aktiviti. 5.1.2 Melakukan aktiviti fizikal dalam persekitaran yang selamat. 5.1.3 Menguruskan peralatan Pendidikan Jasmani sebelum, semasa dan selepas aktiviti fizikal dengan sistematik.
5.2 Tanggungjawab sendiri Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti.	5.2.1 Melibatkan diri secara aktif semasa melakukan aktiviti. 5.2.2 Membuat keputusan untuk diri sendiri dan orang lain semasa melakukan aktiviti. 5.2.3 Mempamerkan keseronokan dan ekspresi diri semasa melakukan aktiviti fizikal yang mencabar. 5.2.4 Membangunkan matlamat sendiri untuk meningkatkan prestasi dalam aktiviti fizikal.
5.3 Interaksi Sosial Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.	5.3.1 Memainkan peranan bagi meningkatkan interaksi sosial melalui aktiviti. 5.3.2 Mengiktiraf kepelbagaian budaya dalam melakukan aktiviti.
5.4 Dinamika kumpulan Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan.	5.4.1 Bekerjasama dan berinteraksi secara positif dengan ahli kumpulan semasa mengambil bahagian dalam aktiviti. 5.4.2 Mengenal pasti dan menggunakan potensi setiap individu dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.
5.5 Etika dalam kumpulan Memahami dan mengaplikasikan etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti.	5.5.1 Menerima cabaran, kemenangan dan kekalahan dalam permainan secara positif dan reflektif. 5.5.2 Mempamerkan permainan bersih dalam aktiviti yang dilakukan.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan kemahiran asas pingpong ubah suai semasa menyerang dalam situasi permainan. • Boleh melakukan kemahiran asas pingpong ubah suai semasa bertahan dalam situasi permainan.
2	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan kemahiran pingpong ubah suai dengan menggunakan strategi menyerang dan bertahan dalam situasi permainan.
3	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengaplikasi pengetahuan berkaitan strategi menyerang dalam situasi permainan. • Boleh mengaplikasi pengetahuan berkaitan strategi bertahan dalam situasi permainan.
4	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh bermain pingpong ubah suai mengikut strategi menyerang yang telah di rancang. • Boleh bermain pingpong ubah suai mengikut strategi bertahan yang telah di rancang.
5	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh merancang dan mengaplikasi strategi yang sesuai semasa menyerang dan bertahan dalam situasi permainan.
6	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh membuat refleksi strategi menyerang dan bertahan serta mencadangkan penambahbaikan strategi yang telah dirancang. • Boleh mengaplikasi etika dalam sukan semasa bermain pingpong ubah suai. • Boleh bermain pingpong ubah suai sebagai aktiviti meningkatkan kecergasan fizikal.

**BIDANG KEMAHIRAN
KATEGORI JARING: SEPAK TAKRAW**

Sepak takraw merupakan permainan dalam kategori jaring. Kemahiran sepak takraw yang dipelajari di Tingkatan 4 ialah strategi menyerang dan bertahan dalam situasi permainan. Diharapkan murid dapat menggunakan kreativiti dan inovasi untuk merancang strategi menyerang dan bertahan dalam situasi permainan.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
ASPEK 1.0: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)		CATATAN
<p>1.6 Kemahiran Sepak Takraw Melakukan kemahiran sepak takraw dalam situasi permainan.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.6.1 Melakukan kemahiran asas sepak takraw yang sesuai untuk menyerang dalam situasi permainan.</p> <p>1.6.2 Melakukan kemahiran mengadang dan menerima bola semasa bertahan dalam situasi permainan.</p> <p>1.6.3 Merancang strategi menyerang dan bertahan bagi satu regu serta menggunakan strategi tersebut dalam situasi permainan.</p>	<p>Nota</p> <p>Kemahiran menyerang:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menimang • Mengumpan • Melibas • Menanduk <p>Kemahiran bertahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengadang • Sepak Sila • Sepak Kuda • Menanduk
ASPEK 2.0: APLIKASI PENGETAHUAN DALAM PERGERAKAN (DOMAIN KOGNITIF)		
<p>2.6 Aplikasi Pengetahuan dalam Kemahiran Sepak Takraw Mengaplikasi pengetahuan konsep pergerakan dan strategi dalam permainan sepak takraw.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>2.6.1 Membuat justifikasi kemahiran sepak takraw yang digunakan semasa menyerang dan bertahan dalam situasi permainan.</p> <p>2.6.2 Menjelaskan kedudukan pemain untuk mengadang dan menerima bola semasa bertahan dalam situasi permainan.</p> <p>2.6.3 Memilih dan membuat justifikasi kemahiran asas sepak takraw yang sesuai digunakan untuk merancang strategi menyerang dan bertahan berdasarkan kemampuan pasukan dan keupayaan pihak lawan.</p>	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
ASPEK 5.0: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)	
5.1 Pengurusan dan Keselamatan Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.	Murid boleh: 5.1.1 Mematuhi prosedur pengurusan dan keselamatan melakukan aktiviti. 5.1.2 Melakukan aktiviti fizikal dalam persekitaran yang selamat. 5.1.3 Menguruskan peralatan Pendidikan Jasmani sebelum, semasa dan selepas aktiviti fizikal dengan sistematik.
5.2 Tanggungjawab sendiri Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti.	5.2.1 Melibatkan diri secara aktif semasa melakukan aktiviti. 5.2.2 Membuat keputusan untuk diri sendiri dan orang lain semasa melakukan aktiviti. 5.2.3 Mempamerkan keseronokan dan ekspresi diri semasa melakukan aktiviti fizikal yang mencabar. 5.2.4 Membangunkan matlamat sendiri untuk meningkatkan prestasi dalam aktiviti fizikal.
5.3 Interaksi Sosial Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.	5.3.1 Memainkan peranan bagi meningkatkan interaksi sosial melalui aktiviti. 5.3.2 Mengiktiraf kepelbagaian budaya dalam melakukan aktiviti.
5.4 Dinamika kumpulan Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan.	5.4.1 Bekerjasama dan berinteraksi secara positif dengan ahli kumpulan semasa mengambil bahagian dalam aktiviti. 5.4.2 Mengenal pasti dan menggunakan potensi setiap individu dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.
5.5 Etika dalam kumpulan Memahami dan mengaplikasikan etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti.	5.5.1 Menerima cabaran, kemenangan dan kekalahan dalam permainan secara positif dan reflektif. 5.5.2 Mempamerkan permainan bersih dalam aktiviti yang dilakukan.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan kemahiran asas sepak takraw semasa menyerang dalam situasi permainan. • Boleh melakukan kemahiran asas sepak takraw semasa bertahan dalam situasi permainan.
2	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh menggunakan kemahiran asas sepak takraw yang sesuai untuk menyerang dan membuat justifikasi kemahiran asas sepak takraw yang digunakan. • Boleh bertahan menggunakan kemahiran mengadang dan menerima bola serta menjelaskan kedudukan pemain semasa mengadang dan menerima bola.
3	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengaplikasi pengetahuan berkaitan kemahiran asas sepak takraw yang sesuai untuk menyerang dan kedudukan pemain dalam situasi permainan. • Boleh mengaplikasi pengetahuan berkaitan kemahiran mengadang, menerima bola dan kedudukan pemain yang sesuai untuk bertahan dalam situasi permainan.
4	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan kemahiran asas sepak takraw yang sesuai dengan lakuan yang betul dan untuk menyerang dalam situasi permainan. • Boleh melakukan kemahiran mengadang dan menerima bola dengan lakuan yang betul dan sesuai untuk bertahan dalam situasi permainan.
5	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh memilih kemahiran asas sepak takraw yang sesuai digunakan untuk merancang strategi menyerang dan bertahan bagi satu regu dalam situasi permainan. • Boleh menjustifikasikan pemilihan kemahiran asas sepak takraw semasa merancang strategi menyerang dan bertahan. • Boleh mengaplikasi etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti kemahiran sepak takraw.
6	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh membuat refleksi dan penambahbaikan terhadap strategi menyerang dan bertahan yang telah dirancang. • Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti. • Boleh bermain sepak takraw sebagai aktiviti meningkatkan kecergasan fizikal.

BIDANG KEMAHIRAN: REKREASI DAN KESENGGANGAN

Rekreasi bermaksud aktiviti terancang untuk mengisi masa lapang. Kandungan Bidang Rekreasi dan Kesenggangan yang dipelajari di Tingkatan 4 adalah aktiviti rekreasi bercorak perlumbaan iaitu Perlumbaan Eksplorasi (explore race) dan Perlumbaan Berhalangan (obstacle race) dan permainan tradisional Aci Bulat dan Tiang Empat. Aktiviti yang terdapat dalam bidang ini juga memberi peluang murid menjana kreativiti dan inovasi dalam membuat keputusan untuk merancang strategi dan mereka cipta aktiviti baharu.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
ASPEK 1.0: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)	CATATAN	
<p>1.9 Rekreasi dan Kesenggangan Melakukan aktiviti rekreasi dan kesenggangan.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>1.9.1 Melakukan aktiviti bercorak perlumbaan seperti Perlumbaan Eksplorasi (explore race) atau Perlumbaan Berhalangan (obstacle race).</p> <p>1.9.2 Melakukan kemahiran permainan tradisional Aci Bulat atau Tiang Empat.</p>	<p>Nota</p> <p>Melakar laluan Perlumbaan Eksplorasi dan Perlumbaan Berhalangan.</p>
ASPEK 2.0: APLIKASI PENGETAHUAN DALAM PERGERAKAN (DOMAIN KOGNITIF)		
<p>2.9 Aplikasi Pengetahuan dalam Rekreasi dan Kesenggangan Mengaplikasi strategi dan idea kreatif dalam aktiviti rekreasi dan kesenggangan.</p>	<p>Murid boleh:</p> <p>2.9.1 Merancang strategi untuk melaksanakan aktiviti Perlumbaan Eksplorasi atau Perlumbaan Berhalangan.</p> <p>2.9.2 Menerangkan strategi untuk mengekalkan atau menukar peranan dalam permainan Aci Bulat atau Tiang Empat.</p>	

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
ASPEK 5.0: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)	
5.1 Pengurusan dan Keselamatan Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.	Murid boleh: 5.1.1 Mematuhi prosedur pengurusan dan keselamatan melakukan aktiviti. 5.1.2 Melakukan aktiviti fizikal dalam persekitaran yang selamat. 5.1.3 Menguruskan peralatan Pendidikan Jasmani sebelum, semasa dan selepas aktiviti fizikal dengan sistematik.
5.2 Tanggungjawab sendiri Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti.	5.2.1 Melibatkan diri secara aktif semasa melakukan aktiviti. 5.2.2 Membuat keputusan untuk diri sendiri dan orang lain semasa melakukan aktiviti. 5.2.3 Mempamerkan keseronokan dan ekspresi diri semasa melakukan aktiviti fizikal yang mencabar. 5.2.4 Membangunkan matlamat sendiri untuk meningkatkan prestasi dalam aktiviti fizikal.
5.3 Interaksi Sosial Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.	5.3.1 Memainkan peranan bagi meningkatkan interaksi sosial melalui aktiviti. 5.3.2 Mengiktiraf kepelbagaian budaya dalam melakukan aktiviti.
5.4 Dinamika kumpulan Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan.	5.4.1 Bekerjasama dan berinteraksi secara positif dengan ahli kumpulan semasa mengambil bahagian dalam aktiviti. 5.4.2 Mengenal pasti dan menggunakan potensi setiap individu dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.
5.5 Etika dalam kumpulan Memahami dan mengaplikasikan etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti.	5.5.1 Menerima cabaran, kemenangan dan kekalahan dalam permainan secara positif dan reflektif. 5.5.2 Mempamerkan permainan bersih dalam aktiviti yang dilakukan.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan perlumbaan eksplorasi berpandukan arah. • Boleh melakukan perlumbaan berhalangan berdasarkan jarak dan halangan yang ditetapkan. • Boleh melakukan pergerakan untuk mengejar, mengelak dan mengacah semasa bermain permainan tradisional Aci Bulat atau Tiang Empat.
2	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh menjelaskan maklumat dari arahan dan melakukan aktiviti dalam perlumbaan eksplorasi • Boleh melakukan aktiviti perlumbaan berhalangan dan mengenal pasti dan menjelaskan laluan serta cabaran yang ditetapkan. • Boleh bermain permainan Aci Bulat atau Tiang Empat serta menjelaskan peraturan permainan.
3	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengaplikasi maklumat dari arahan dan strategi untuk melakukan aktiviti dalam perlumbaan eksplorasi atau perlumbaan berhalangan. • Boleh mengaplikasi pengetahuan berkaitan peraturan permainan Aci Bulat atau Tiang Empat semasa bermain.
4	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan perlumbaan eksplorasi atau perlumbaan berhalangan mengikut turutan dan peraturan yang ditetapkan. • Boleh mengaplikasi strategi bermain permainan Aci Bulat atau Tiang Empat mengikut peraturan yang ditetapkan.
5	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh mereka cipta dan melaksanakan aktiviti perlumbaan eksplorasi dan berhalangan dalam kumpulan. • Boleh mereka cipta dan melaksanakan permainan baharu berasaskan konsep Aci Bulat atau Tiang Empat. • Boleh mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan semasa melakukan aktiviti rekreasi dan kesenggangan.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
6	<ul style="list-style-type: none">• Boleh membuat refleksi dan penambahbaikan terhadap perlumbaan eksplorasi atau halangan baharu yang telah direka cipta.• Boleh membuat refleksi dan penambahbaikan terhadap permainan baharu berasaskan Aci Bulat atau Tiang Empat.• Boleh menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti rekreasi dan kesenggangan.• Boleh melakukan aktiviti rekreasi dan kesenggangan sebagai aktiviti meningkatkan kecergasan fizikal.

BIDANG KECERGASAN: KECERGASAN FIZIKAL BERDASARKAN KESIHATAN

Komponen Kecergasan Fizikal Berdasarkan Kesihatan terdiri daripada komponen kapasiti aerobik, kelenturan, daya tahan otot, kekuatan otot dan komposisi badan. Kandungan dalam bidang ini memberi pendedahan kepada murid berkaitan senaman dan latihan fizikal untuk meningkatkan tahap kecergasan. Menerusi bidang ini, murid memahami prinsip latihan kecergasan fizikal iaitu kekerapan, intensiti, jangka masa senaman dan jenis senaman (frequency, intensiti, time, and type (FITT)). Pengetahuan tentang prinsip ini membolehkan murid merancang pelan latihan untuk diri sendiri bagi meningkatkan dan mengekalkan kecergasan fizikal untuk kesejahteraan hidup.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	
ASPEK 3.0: KECERGASAN MENINGKATKAN KESIHATAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)		
<p>3.1 Komponen Kecergasan Fizikal Berdasarkan Kesihatan Melakukan senaman kecergasan fizikal mengikut komponen kecergasan fizikal berdasarkan kesihatan.</p>	<p>Murid boleh</p> <p>3.1.1 Melakukan aktiviti meningkatkan kapasiti aerobik yang dirancang pada intensiti sederhana 5 kali seminggu sekurang-kurangnya 30 minit setiap sesi atau pada intensiti tinggi 3 kali seminggu sekurang-kurangnya 25 minit setiap sesi.</p> <p>3.1.2 Melakukan senaman kelenturan yang dirancang sekurang-kurangnya 3 kali seminggu melibatkan kumpulan otot utama, 60 saat setiap senaman secara kumulatif.</p> <p>3.1.3 Melakukan aktiviti meningkatkan daya tahan otot yang dirancang sekurang-kurangnya 2 hingga 3 kali seminggu melibatkan kumpulan otot utama mengatasi bebanan intensiti ringan sebanyak 15 hingga 20 ulangan.</p> <p>3.1.4 Melakukan aktiviti meningkatkan kekuatan otot yang dirancang sekurang-kurangnya 2 hingga 3 kali seminggu melibatkan kumpulan otot utama mengatasi bebanan intensiti sederhana sebanyak 8-12 kali ulangan.</p> <p>3.1.5 Mengukur lilitan (<i>girth measurement</i>) pada bahagian pinggul dan pinggang.</p> <p>3.1.6 Merancang program latihan fizikal untuk satu minggu (<i>weekly plan</i>) yang merangkumi komponen kapasiti aerobik, daya tahan otot, kekuatan otot, fleksibiliti untuk mencapai komposisi badan yang disasarkan untuk diri sendiri berdasarkan prinsip FITT dan melaksanakan program tersebut.</p>	<p>Nota</p> <p>Merancang program latihan fizikal melibatkan komponen:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kapasiti aerobik • Daya tahan otot • Kekuatan otot • Fleksibiliti

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
3.2 Pentaksiran Kecergasan Fizikal Mengukur tahap kecergasan fizikal berdasarkan kesihatan.	3.2.1 Mengukur tahap kecergasan fizikal menggunakan ujian SEGAK mengikut prosedur yang betul. 3.2.2 Melakukan senaman-senaman yang dapat meningkatkan dan mengekalkan kecergasan fizikal berdasarkan keputusan ujian SEGAK.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
ASPEK 4.0: APLIKASI PENGETAHUAN DALAM MENINGKATKAN KECERGASAN (DOMAIN KOGNITIF)	
4.1 Aplikasi Pengetahuan dalam Komponen Kecergasan Fizikal Berdasarkan Kesihatan. Mengaplikasi pengetahuan prinsip kecergasan dan strategi bagi meningkatkan kecergasan fizikal berdasarkan kesihatan.	Murid boleh: 4.1.1 Memberi justifikasi senaman meningkatkan kapasiti aerobik, daya tahan otot, kekuatan otot dan fleksibiliti yang sesuai digunakan untuk meningkatkan kecergasan fizikal. 4.1.2 Mengenal pasti dan menjelaskan jenis senaman, jangka masa senaman, kekerapan sesi senaman dan intensiti mengikut komponen kecergasan fizikal yang sesuai untuk diri sendiri. 4.1.3 Menentukan komposisi badan berdasarkan ukuran lilitan pada bahagian pinggul dan punggung.
4.2 Aplikasi pengetahuan dalam Pentaksiran Kecergasan Fizikal Mengaplikasi konsep, prinsip dan strategi dalam pentaksiran kecergasan fizikal.	4.2.1 Menganalisis keputusan ujian SEGAK untuk menentukan tahap kecergasan fizikal sendiri. 4.2.2 Merancang pelan kecergasan satu minggu (weekly plan) dengan bimbingan guru sebagai tindakan susulan berdasarkan keputusan ujian SEGAK.

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
ASPEK 5.0: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)	
5.1 Pengurusan dan Keselamatan Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.	Murid boleh: 5.1.1 Mematuhi prosedur pengurusan dan keselamatan melakukan aktiviti. 5.1.2 Melakukan aktiviti fizikal dalam persekitaran yang selamat. 5.1.3 Menguruskan peralatan Pendidikan Jasmani sebelum, semasa dan selepas aktiviti fizikal dengan sistematik.
5.2 Tanggungjawab sendiri Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti.	5.2.1 Melibatkan diri secara aktif semasa melakukan aktiviti. 5.2.2 Membuat keputusan untuk diri sendiri dan orang lain semasa melakukan aktiviti. 5.2.3 Mempamerkan keseronokan dan ekspresi diri semasa melakukan aktiviti fizikal yang mencabar. 5.2.4 Membangunkan matlamat sendiri untuk meningkatkan prestasi dalam aktiviti fizikal.
5.3 Interaksi Sosial Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.	5.3.1 Memainkan peranan bagi meningkatkan interaksi sosial melalui aktiviti. 5.3.2 Mengiktiraf kepelbagaian budaya dalam melakukan aktiviti.
5.4 Dinamika kumpulan Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan.	5.4.1 Bekerjasama dan berinteraksi secara positif dengan ahli kumpulan semasa mengambil bahagian dalam aktiviti. 5.4.2 Mengenal pasti dan menggunakan potensi setiap individu dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.
5.5 Etika dalam kumpulan Memahami dan mengaplikasikan etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti.	5.5.1 Menerima cabaran, kemenangan dan kekalahan dalam permainan secara positif dan reflektif. 5.5.2 Mempamerkan permainan bersih dalam aktiviti yang dilakukan.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan senaman meningkatkan kapasiti aerobik, kelenturan, daya tahan otot, dan kekuatan otot. • Boleh mengukur lilitan pada pinggul dan pinggang.
2	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh menentu dan menjelaskan kekerapan, intensiti, jangkamasa dan jenis senaman bagi komponen kapasiti aerobik, kelenturan, daya tahan otot dan kekuatan otot untuk diri sendiri. • Boleh memberi justifikasi senaman yang dipilih bagi meningkatkan komponen kapasiti aerobik, kelenturan, daya tahan otot dan kekuatan otot. • Boleh melakukan senaman meningkatkan kapasiti aerobik, kekuatan otot, daya tahan otot dan kelenturan pada intensiti yang sesuai untuk diri sendiri. • Boleh menjelaskan rumus atau perisian yang digunakan untuk mendapatkan bacaan nisbah ukuran lilitan pinggul dan pinggang.
3	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh mengaplikasi rumus atau perisian untuk mendapatkan bacaan nisbah ukuran lilit pinggul dan pinggang untuk menentukan komposisi badan. • Boleh mengaplikasikan prinsip FITT semasa melakukan senaman meningkatkan komponen kapasiti aerobik, kelenturan, daya tahan otot dan kekuatan otot untuk mencapai komposisi badan yang disasarkan.
4	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh melakukan aktiviti meningkatkan kapasiti aerobik yang dirancang pada intensiti sederhana atau pada intensiti tinggi dengan betul. • Boleh melakukan senaman kelenturan yang dirancang selama 60 saat secara akumulatif setiap senaman dengan betul. • Boleh melakukan aktiviti meningkatkan daya tahan otot yang dirancang dengan melibatkan kumpulan otot utama mengatasi bebanan intensiti rendah sebanyak 15 hingga 20 ulangan dengan betul. • Boleh melakukan aktiviti meningkatkan kekuatan otot yang dirancang dengan melibatkan kumpulan otot utama mengatasi bebanan intensiti sederhana sebanyak 8 hingga 12 ulangan dengan betul.

STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
5	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh merancang dan melakukan program latihan fizikal dengan bimbingan guru untuk satu minggu yang merangkumi komponen kecergasan fizikal berdasarkan kesihatan berdasarkan prinsip FITT. • Boleh mengenal pasti bahagian pada tubuh badan, selain pinggul dan pinggang, yang boleh digunakan untuk ukuran lilitan bagi menentukan komposisi badan. • Boleh menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti.
6	<ul style="list-style-type: none"> • Boleh membuat refleksi dan penambahbaikan pelan latihan fizikal untuk diri sendiri. • Boleh berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti kecergasan. • Boleh melakukan aktiviti kecergasan fizikal secara berkala untuk meningkatkan dan mengekalkan tahap kecergasan fizikal.

KOMPONEN PENDIDIKAN KESIHATAN

PENGENALAN KSSMPK PENDIDIKAN KESIHATAN

KSSMPK Pendidikan Kesihatan adalah selaras dengan KSSM Pendidikan Kesihatan. Kurikulum Pendidikan Kesihatan ialah disiplin ilmu untuk meningkatkan literasi kesihatan MBK yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai. Literasi kesihatan merupakan salah satu aset abad ke-21 iaitu kemahiran memperoleh, menginterpretasi dan memahami maklumat mengenai kesihatan serta perkhidmatan kesihatan untuk meningkatkan kualiti hidup.

MBK merupakan pewaris negara yang perlu dilengkapi dengan literasi kesihatan seperti berpengetahuan, berkemahiran menangani risiko, menjaga keselamatan diri, mempunyai sikap dan nilai yang positif serta mengamalkan cara hidup yang sihat. Justeru itu, kurikulum Pendidikan Kesihatan digubal seiring dengan transformasi pendidikan negara yang berhasrat membentuk generasi yang sihat, berdaya saing dan tekak menghadapi cabaran global masa kini.

KSSMPK Pendidikan Kesihatan yang komprehensif dan kohesif berupaya melahirkan MBK yang seimbang dari segi fizikal, mental, emosi, sosial dan rohani selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kurikulum ini juga dibina sejajar dengan piawaian antarabangsa yang memberi penekanan kepada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, penyelesaian masalah dan inovasi.

MATLAMAT KSSMPK PENDIDIKAN KESIHATAN

KSSMPK Pendidikan Kesihatan bermatlamat untuk meningkatkan literasi kesihatan MBK bagi mencapai kualiti hidup individu dan melahirkan generasi yang dapat mengaplikasikan pengetahuan serta menguasai kemahiran dan menghayati nilai dalam amalan hidup yang sihat demi kesejahteraan bangsa serta negara.

OBJEKTIF KSSMPK PENDIDIKAN KESIHATAN

KSSMPK Pendidikan Kesihatan bertujuan untuk membolehkan MBK mencapai objektif berikut:

1. Meningkatkan pengetahuan, sikap dan amalan kesihatan diri, keluarga, masyarakat serta persekitaran.
2. Menguasai kemahiran kecekapan psikososial dalam menghadapi dan menangani masalah kesihatan serta isu yang berkaitan.
3. Menguasai dan mengaplikasikan kemahiran mencegah masalah kesihatan serta penyakit.
4. Membuat keputusan yang bijak dan mengamalkan gaya hidup yang sihat.
5. Membudayakan amalan positif dan sihat dalam kehidupan harian.
6. Menzahirkan rasa syukur dan menghargai kesihatan yang dianugerahi Tuhan.

FOKUS KSSMPK PENDIDIKAN KESIHATAN

KSSMPK memberi fokus kepada Pendidikan Kesihatan Berasaskan Kemahiran (*Skills-Based Health Education*) yang merangkumi kemahiran kecekapan psikososial iaitu membuat

keputusan, menyelesaikan masalah, berpemikiran kritis dan kreatif, berkomunikasi berkesan, kemahiran hubungan interpersonal, kesedaran sendiri, empati, menangani emosi dan tekanan.

Kemahiran kecekapan psikososial ialah kebolehan seseorang menangani secara berkesan kehendak dan cabaran harian, termasuk kebolehan mengekalkan keadaan mental yang baik serta mendemonstrasikan sesuatu perlakuan yang positif. Ini juga merangkumi perlakuan semasa berinteraksi dengan individu lain dalam kepelbagaian budaya dan persekitaran. Komponen yang terdapat dalam kemahiran kecekapan psikososial adalah untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup iaitu membuat keputusan, penyelesaian masalah, pemikiran kreatif, pemikiran kritis, komunikasi berkesan, kemahiran hubungan interpersonal, kesedaran sendiri, empati, menangani emosi dan menangani tekanan. Penguasaan kemahiran kecekapan psikososial adalah perlu dan membantu MBK untuk mengadaptasi permintaan serta cabaran kehidupan harian, memberi kesedaran tentang sesuatu isu atau permasalahan yang berlaku pada masa lampau, masa kini dan masa depan. Ini bermakna MBK dapat membuat ramalan, menjangka akibat dan mengendali perubahan supaya mendapat manfaat yang maksimum.

KSSMPK memberi penekanan terhadap gaya hidup sihat bersesuaian dengan ciri dan keperluan MBK serta disusun mengikut tiga komponen utama iaitu:

1. Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS)

Komponen ini menekankan aspek kesihatan diri dan reproduktif, penyalahgunaan bahan, kemahiran pengurusan mental dan emosi, kekeluargaan, perhubungan, pencegahan penyakit dan keselamatan.

Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) dalam KSSMPK Pendidikan Kesihatan

PEERS diajar melalui kurikulum Pendidikan Kesihatan. PEERS adalah satu proses sepanjang hayat untuk memperoleh pengetahuan dan membentuk sikap, nilai serta kepercayaan terhadap identiti, perhubungan dan keintiman sesama insan.

PEERS bukan hanya terbatas kepada isu seksual atau hubungan seks semata-mata tetapi PEERS juga mencakupi pengetahuan dari aspek biologikal, sosiobudaya, psikologikal dan kerohanian ke arah amalan tingkah laku yang sihat dalam kehidupan.

Objektif PEERS adalah untuk membantu murid:

- i. Membentuk pandangan yang positif tentang kesihatan reproduktif dan sosial untuk diri, keluarga serta masyarakat.
- ii. Menyediakan maklumat yang perlu diketahui supaya murid mengambil berat tentang kesihatan seksual dan keluarga sebagai institusi asas manusia serta menyumbang kepada pemeliharaan integriti institusi kekeluargaan secara berterusan dan berkekalan.
- iii. Memperoleh kemahiran membuat keputusan secara bijak dan bertanggungjawab tentang kesihatan serta tingkah laku seksual pada masa kini dan masa depan.

PEERS merangkumi:

- Kesihatan diri dan reproduktif
Aspek perkembangan dan perubahan fizikal, fisiologikal serta psikologikal semasa akil baligh dan penjagaan kesihatan reproduktif.
- Penyalahgunaan bahan
Kesan buruk pengambilan bahan berbahaya iaitu rokok, dadah, inhalan dan alkohol, serta kemahiran berkata TIDAK.
- Pengurusan mental dan emosi
Kemahiran pengurusan konflik dan stres dalam diri, keluarga, rakan sebaya dan masyarakat.
- Kekeluargaan
Kepentingan institusi perkahwinan, kekeluargaan, peranan dan tanggungjawab ahli dalam keluarga.
- Perhubungan
Kepentingan etiket perhubungan dan kemahiran interpersonal yang positif dalam persaudaraan serta persahabatan.
- Penyakit
Pengetahuan dan kemahiran mengurus kesihatan daripada penyakit berjangkit, tidak berjangkit, genetik, keturunan dan mental.

- Keselamatan

Langkah-langkah keselamatan diri di rumah, sekolah, taman permainan dan tempat awam, serta akta perlindungan bagi kanak-kanak, gadis dan wanita, termasuk kemahiran mengelak diri daripada ancaman orang yang tidak dikenali, antipemerdagangan manusia dan orang yang perlu dihubungi jika berlaku gangguan, ancaman serta kecemasan.

2. Pemakanan

Komponen ini menekankan aspek pemakanan yang seimbang, amalan makan secara sihat, penyediaan hidangan, keselamatan dan kualiti makanan.

3. Pertolongan Cemas

Komponen ini menekankan aspek pertolongan cemas untuk menyelamatkan nyawa, mengelakkan kecederaan menjadi lebih parah dan mengurangkan kesakitan sebelum bantuan rawatan perubatan seterusnya diberi kepada mangsa.

STANDARD PRESTASI KSSMPK PENDIDIKAN KESIHATAN


KSSMPK digubal dengan menetapkan Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang perlu dikuasai oleh murid. Tujuan utama penetapan standard adalah untuk ekuiti dan kualiti. Ekuiti bermaksud semua murid diberi peluang pendidikan yang sama, manakala kualiti bermaksud semua murid perlu diberi pendidikan yang berkualiti. Justeru itu, kurikulum berasaskan standard memberi pendidikan berkualiti yang sama kepada semua murid. Pernyataan tahap penguasaan umum Pendidikan Kesihatan berdasarkan rubrik yang dijadikan sebagai panduan kepada guru untuk menilai prestasi murid adalah seperti dalam Jadual 8.

Jadual 8: Pernyataan Tahap Penguasaan Umum Kurikulum Pendidikan Kesihatan

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN
1	Mengetahui asas kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial dan persekitaran.
2	Memahami aspek kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial dan persekitaran.
3	Mengaplikasikan kemahiran mengurus kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial, persekitaran dan keselamatan diri.
4	Menganalisis aspek kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial, persekitaran dan keselamatan diri serta keluarga.
5	Menilai cara mengurus kesihatan ke arah kehidupan yang positif dan sihat melalui kemahiran kecekapan psikososial.
6	Menjana idea untuk mengadaptasi permintaan dan cabaran kehidupan harian, meningkatkan literasi kesihatan, serta mengamalkan gaya hidup sihat.

ORGANISASI KANDUNGAN KSSMPK PENDIDIKAN KESIHATAN

KSSMPK terdiri daripada Pendidikan Kesihatan Reproktif dan Sosial iaitu PEERS (75%), Pemakanan (15%) dan Pertolongan Cemas (10%) seperti rajah 3.



Rajah 3: Skop Kurikulum Komponen Pendidikan Kesihatan

Agihan Masa KSSMPK Pendidikan Kesihatan

Cadangan agihan masa bagi setiap bidang yang terdapat dalam KSSMPK Pendidikan Kesihatan Tingkatan 4 dan 5 adalah berdasarkan peruntukan masa minimum PdP iaitu 16 jam setahun. Agihan masa yang dicadangkan ini boleh dijadikan panduan kepada guru dalam melaksanakan PdP bagi mata pelajaran Pendidikan Kesihatan Tingkatan 4 dan 5 seperti jadual 9.

Jadual 9: Cadangan agihan masa mata pelajaran Pendidikan Kesihatan

BIDANG	JAM MINIMUM SETAHUN
Pendidikan Kesihatan Reproktif dan Sosial (PEERS)	12
Pemakanan	2.5
Pertolongan Cemas	1.5
Jumlah	16

**STANDARD KANDUNGAN, STANDARD PEMBELAJARAN DAN
STANDARD PRESTASI PENDIDIKAN KESIHATAN
TINGKATAN 4**

PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL (PEERS)

Pendidikan Kesehatan Reproduksi dan Sosial (PEERS) memberikan penekanan kepada kemahiran kecekapan psikososial dalam aspek kemahiran membuat keputusan untuk menangani tingkah laku seksual dan hubungan seks sebelum nikah, mengurus mental dan emosi, aspek kehidupan berkeluarga, isu perhubungan dalam dunia siber, pemerdagangan manusia dan risiko jerat dadah. Penekanan juga diberikan kepada penyakit genetik Talasemia.

1.0 KESIHATAN DIRI DAN REPRODUKTIF

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
1.1 Kemahiran membuat keputusan dalam konteks kesihatan diri dan reproduktif. Kemahiran membuat keputusan: <ul style="list-style-type: none"> • Abstinan dalam pencegahan tingkah laku seksual sebelum nikah. 	Murid boleh:	1	Menyatakan maksud abstinan.	Nota Abstinan – menahan diri daripada perhubungan seksual. Contoh pelawaan seks sebelum nikah: <ul style="list-style-type: none"> • Pujukan • Ajakan • Penipuan • Paksaan Contoh cabaran dalam mengamalkan abstinan: <ul style="list-style-type: none"> • Rakan • Media sosial • Diri sendiri • Persekitaran • Seks siber
	1.1.1 Menyatakan maksud abstinan.	2	Menerangkan kepentingan abstinan dalam pencegahan tingkah laku seksual sebelum nikah.	
	1.1.2 Menjelaskan kepentingan abstinan dalam pencegahan tingkah laku seksual sebelum nikah.			
	1.1.3 Mengaplikasi kemahiran abstinan dalam pencegahan tingkah laku seksual sebelum nikah.	3	Mendemonstrasi kemahiran abstinan dalam pencegahan tingkah laku seksual sebelum nikah.	
	1.1.4 Mengenal pasti cabaran mengamalkan abstinan dalam pencegahan tingkah laku seksual sebelum nikah.	4	Membuat andaian situasi berisiko yang memerlukan abstinan.	
		5	Membincangkan cabaran mengamalkan abstinan dalam pencegahan tingkah laku seksual sebelum nikah.	
	6	Menyebarkan luas maklumat mengenai kemahiran abstinan dalam pencegahan tingkah laku seksual sebelum nikah.		

1.0 KESIHATAN DIRI DAN REPRODUKTIF

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
1.2 Kemahiran menangani pengaruh dalaman serta luaran yang mempengaruhi kesihatan diri dan reproduktif	Murid boleh:			Nota Menangani tingkah laku Seksual iaitu hubungan seks sebelum nikah. Contoh tingkah laku seksual: <ul style="list-style-type: none"> • meraba • bergesel • berpelukan • bercumbu • pornografi
	1.2.1 Mengenal pasti situasi yang mendorong kepada hubungan seks sebelum nikah.	1	Menyatakan situasi yang mendorong kepada hubungan seks sebelum nikah.	
	1.2.2 Menilai kesan seks sebelum nikah terhadap diri, keluarga dan masyarakat.	2	Menerangkan situasi yang mendorong kepada hubungan seks sebelum nikah.	
	1.2.3 Menjana idea cara untuk menangani situasi seks sebelum nikah.	3	Menjelaskan dengan contoh cara untuk menangani hubungan seks sebelum nikah.	
		4	Menganalisis situasi yang mendorong kepada hubungan seks sebelum nikah.	
		5	Meramalkan kesan hubungan seks sebelum nikah.	
		6	Menyebarkan maklumat mengenai cara untuk menangani hubungan seks sebelum nikah.	

2.0 PENYALAHGUNAAN BAHAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
2.1 Kemahiran menangani situasi berisiko terhadap penyalahgunaan bahan kepada diri, keluarga dan masyarakat.	Murid boleh:	1	Menyatakan contoh jerat dadah.	<p>Nota</p> <p>Isu semasa iaitu jerat dadah.</p> <p>Jerat dadah ialah keadaan seseorang terpedaya menjadi mangsa dadah seperti penagihan dadah dan keldai dadah.</p> <p>Contoh kemahiran mengelak diri daripada jerat dadah:</p> <ul style="list-style-type: none"> berwaspada dengan makanan dan minuman yang diberikan oleh orang lain. berhati-hati dengan makanan dan minuman yang mungkin dimasukkan bahan asing (drug spiking) jangan membawa barangan yang dikirim oleh orang lain.
	2.1.1 Mengetahui isu jerat dadah.			
	2.1.2 Menjelaskan situasi berisiko yang membawa kepada jerat dadah.	2	Mengenal pasti situasi berisiko yang membawa kepada jerat dadah.	
	2.1.3 Membincangkan implikasi jerat dadah kepada diri, keluarga dan masyarakat.	3	Menjelaskan dengan contoh cara mengelak jerat dadah.	
	2.1.4 Menjana idea cara mengelak jerat dadah.	4	Membincangkan implikasi jerat dadah kepada diri, keluarga dan masyarakat.	
		5	Memberi pendapat tentang isu jerat dadah.	
		6	Merancang aktiviti cara mengelak jerat dadah.	

3.0 PENGURUSAN MENTAL DAN EMOSI

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
3.1 Kemahiran mengurus mental dan emosi dalam kehidupan harian.	Murid boleh:	1	Menyatakan maksud kemurungan.	Nota Mengurus mental dan emosi iaitu kemurungan. Kemurungan ialah satu masalah kesihatan mental yang boleh dicirikan dengan kesedihan, kehilangan minat atau keseronokan, perasaan rasa bersalah atau hilang minat, gangguan tidur dan selera makan, keletihan dan kurang tumpuan.
	3.1.1 Menyatakan maksud kemurungan.			
	3.1.2 Mengenal pasti tanda kemurungan.	2	Mengenal pasti tanda kemurungan.	
	3.1.3 Menjelaskan contoh punca kemurungan.	3	Menjelaskan dengan contoh punca kemurungan.	
	3.1.4 Menjana idea mengurus kesihatan mental dan emosi untuk mengelak kemurungan.			
		4	Memberi pendapat cara mengurus kesihatan mental dan emosi.	
		5	Mengesyorkan langkah bagi mengelak kemurungan.	
	6	Merancang dan melaksanakan projek mini tentang pengurusan kesihatan mental dan emosi.		

4.0 KEKELUARGAAN

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN	STANDARD PRESTASI		CATATAN
		TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN	
4.1 Peranan diri sendiri dan ahli keluarga serta kepentingan institusi kekeluargaan dalam aspek kesihatan keluarga.	Murid boleh:			Nota Aspek kehidupan Berkeluarga iaitu kemahiran keibubapaan. Institusi kekeluargaan terbentuk melalui ikatan perkahwinan. Kedua-dua pasangan mestilah berusaha untuk mengekalkan perkahwinan mereka. Contoh kemahiran keibubapaan: <ul style="list-style-type: none"> • Suri teladan kepada anak. • Kemahiran mendengar. • Kemahiran membincang. • Kemahiran membimbing • Kemahiran insaniah. • Kemahiran berkomunikasi.
